



5 April 2018
5 April 2018
P.U. (A) 90

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN KEBANGSAAN (PENEPIAN FI KEPADA PUSAT BERTAULIAH) 2018

NATIONAL SKILLS DEVELOPMENT (WAIVER OF FEE TO ACCREDITED CENTRE) REGULATIONS 2018

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PEMBANGUNAN KEMAHIRAN KEBANGSAAN 2006
PERATURAN-PERATURAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN KEBANGSAAN
(PENEPIAN FI KEPADA PUSAT BERTAULIAH) 2018

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 72(2)(d) Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 [*Akta 652*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (Penepian Fi kepada Pusat Bertauliah) 2018**.

(2) Peraturan-Peraturan ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2016.

Penepian fi

2. Fi yang ditetapkan dalam butiran 4(a) dan (b) Jadual Pertama kepada Peraturan-Peraturan Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (Fi dan Caj) 2016 [*P.U. (A) 86/2016*] diketepikan berkenaan dengan pusat bertauliah yang dinyatakan dalam Jadual yang memohon bagi pindaan maklumat pentaualiaan bagi setiap program latihan kemahiran yang berhubungan dengan—

(a) perpindahan premis latihan kemahiran; dan

(b) premis latihan kemahiran tambahan.

JADUAL

1. GIATMARA Malaysia
2. Bahagian Kemahiran dan Teknikal, Majlis Amanah Rakyat